

**Kami akan dibunuh kalau pulang, kata pelarian Rohingya**  
**Free Malaysia Today**  
**Dec 4, 2016**  
**Aedi Asri**

**Walaupun rindu kepada kampung halaman serta ahli keluarga sentiasa menebal, mereka terpaksa menahannya atas pertimbangan keselamatan diri.**

KUALA LUMPUR: Beberapa warga Rohingya hari ini meluahkan perasaan mereka yang tersepit antara kerinduan terhadap kampung halaman dan nyawa sendiri.

Walaupun perasaan rindu kepada kampung halaman serta ahli keluarga yang masih hidup sentiasa menebal, mereka terpaksa menahannya atas pertimbangan keselamatan diri.

Mahmud Yunus yang kini bekerja di sebuah restoran melarikan diri dari Rakhine pada 2013 kerana tidak tahan dengan pergolakan di sana.

“Tiga adik-beradik saya masih di sana. Saya ingin jumpa mereka tetapi kalau saya balik, saya akan mati,” katanya yang agak keberatan menceritakan keadaan keluarganya di sana.

“Di sana selalu ada pertembungan dengan tentera,” katanya yang kurang fasih berbahasa Melayu namun dibantu rakannya Seyyedul Rahman.

Seyyedul Rahman pula lari ke Malaysia setahun lebih awal dan kini bekerja di sebuah kilang di sini.

“Di sana perbalahan sentiasa berlaku, pekerjaan pula tiada. Maka saya datang ke sini,” katanya.

Hari ini, mereka bersama kira-kira 10,000, kebanyakannya etnik Rohingya, menyertai Himpunan Solidariti Ummah untuk Rohingya di Stadium Mini Titiwangsa.

Himpunan itu menyaksikan pemimpin tertinggi Umno dan PAS berkongsi pentas bagi menunjukkan solidariti mereka bersama etnik Rohingya, serta mengecam kerajaan Myanmar yang didakwa menindas mereka.

Menurut laporan, pembantaian etnik Rohingya di wilayah Rakhine oleh tentera Myanmar memuncak pada 2012. Sejak itu, ribuan terbunuh manakala kira-kira 100,000 hilang tempat tinggal.

Selain dinafikan kerakyatan dan ditindas Myanmar, orang Rohingya di Rakhine ibarat “jatuh ditimpa tangga” apabila Bangladesh dilaporkan enggan membuka pintu buat mereka.

Seorang lagi etnik Rohingya, Amin Ulaimiah pula mendakwa penindasan tentera terhadap mereka sudah bermula sejak 1970-an, namun hanya baru mendapat perhatian dunia.

“Tentera datang dan membunuh keluarga dan rakan kami, mencampakkan mayat mereka ke rumah yang dibakar. Nasib baik ada Malaysia, saya anggap ini rezeki kami,” katanya yang bekerja sebagai pemotong rumput di Ampang, Selangor.

Rakannya Muhamad Rahim kehilangan 3 adik kerana dibunuh kejam.

“Dua adik lelaki dan seorang adik perempuan saya dibunuh dengan kejam. Ketika itu saya sudah lari ke sini. Hanya tuhan tahu apa saya rasa ketika diberitahu (tentang kejadian itu),” katanya lagi.

Menurut Amnesty International, etnik Rohingya berhadapan penindasan tentera Myanmar sejak 1978. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pula menyifatkan mereka sebagai salah satu minoriti “paling ditindas di dunia”.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/12/04/kami-akan-dibunuh-kalau-pulang-kata-pelarian-rohingya/>